

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai]**  
**TARIKH : 12.03.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan dan rintangan yang dihadapi dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 setakat ini dan langkah seterusnya diambil bagi mendapatkan sokongan padu dari semua perkhidmatan pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat Enam (6) pertanyaan yang berkaitan dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Pertanyaan tersebut daripada :

- |      |                        |                              |
|------|------------------------|------------------------------|
| i.   | <b>YB Bagan Serai</b>  | <b>12.03.2014 (Hari ini)</b> |
| ii.  | YB Kulim Bandar Baharu | 12.03.2014 (Hari ini)        |
| iii. | YB Taiping             | 13.03.2014                   |
| iv.  | YB Hulu Langat         | 01.04.2014                   |
| v.   | YB Libaran             | 08.04.2014                   |
| vi.  | YB Kapar               | 08.04.2014                   |

Oleh kerana pertanyaan yang dikemukakan adalah saling berkaitan, izinkan saya menjawab ke semua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah pun telah melepasi setahun pelaksanaannya sejak dimulakan pada Januari 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan bahawa inisiatif yang disediakan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2025 dengan melalui tiga (3) gelombang. Gelombang 1 PPPM iaitu tahun 2013 hingga 2015, iaitu perubahan sistem yang menyokong peranan guru dan kemenjadian murid dengan memberi tumpuan kepada kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir aras tinggi dan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

3. Untuk makluman **YB Bagan Serai, YB Kulim Bandar Baharu, YB Hulu Langat, YB Taiping** dan **YB Libaran**, selepas setahun PPPM dilaksanakan terdapat beberapa inisiatif telah membuahkan hasil yang memberangsangkan termasuklah peningkatan prestasi sekolah dalam peperiksaan UPSR dan PMR 2013 terutamanya di negeri Sabah dan Kedah. Ini, melalui inisiatif Pelan Transformasi Daerah iaitu memperkasakan sekolah-sekolah berprestasi rendah di negeri Sabah dan Kedah, didapati Gred Purata Negeri (GPN) bagi negeri-negeri tersebut meningkat di tahap terbaik sejak 10 tahun yang lepas. Kedah telah mencatat peningkatan sebanyak 0.06 mata GPN bagi UPSR. Untuk makluman angka *perfect* skor ialah satu (1). Manakala Sabah telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.07 bagi peperiksaan UPSR. Dalam PMR negeri pencapaian negeri Kedah meningkat sebanyak 0.08 mata. Manakala negeri Sabah telah mencatat peningkatan sebanyak 0.06 mata GPN.

4. Selain itu, murid Tahun 3 (pada tahun 2013) telah berjaya menunjukkan pencapaian 99.1 peratus dalam penguasaan Literasi Bahasa Malaysia, berbanding 93.2 peratus semasa mereka berada di Tahun 2 pada tahun 2012. Begitu juga dengan pencapaian penguasaan Numerasi atau mengira, telah

meningkat dari 9.45 peratus kepada 99.3 peratus semasa di Tahun 2 (pada tahun 2012).

5. Kementerian juga telah melaksanakan penilaian kompetensi kepada 61,000 orang guru melalui *Cambridge Placement Test (CPT)*. Seramai 5,010 guru opsyen Bahasa Inggeris telah mengikuti program peningkatan profisiensi Bahasa Inggeris (Pro-ELT) dan mereka akan diuji sekali lagi bagi memastikan mereka mencapai tahap yang telah ditetapkan. Keputusan mendapati 73.3 peratus guru-guru berkenaan telah Berjaya meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya satu (1) band yang lebih tinggi. Bermula 17 Mac 2014 sebanyak 9,000 orang guru lagi akan dilatih untuk memastikan peningkatan profisiensi bahasa Inggeris mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Saya ingin menegaskan bahawa PPPM yang sedang dilaksanakan ini melibatkan semua sekolah di bawah kawalan Kementerian. Ini kerana telah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk memastikan semua sekolah yang mengikuti Sistem Pendidikan Kebangsaan terlibat secara langsung dan tidak boleh dipinggirkan atau diabaikan sama sekali. Sehingga kini, KPM telah diperuntukkan sejumlah RM500 juta untuk pelaksanaan PPPM bagi Gelombang 1 yang meliputi program latihan guru, kemahiran berfikir aras tinggi (HOTS), Program Transformasi Daerah dan Program TIMMS dan PISA.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Saya yakin dengan apa yang dilaksanakan, matlamat untuk mentransformasikan sistem pendidikan Negara dapat direalisasikan. Untuk makluman **YB Kapar**, PPPM yang digubal dan dilaksanakan ini merupakan strategi utama untuk memastikan pembangunan modal insan Negara bukan

sahaja dapat memenuhi keperluan sumber manusia, tetapi mampu memainkan peranan untuk membangun dan memacu pembangunan Negara bagi mencapai status Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang 2020.

Rjm 07